

24 MEI 2017



# Syarahan CenPRIS - Dato' Jenaton



## NAKHODA NAN INTAN, BATU UBAN DAN ISLAM DI PULAU PINANG ABAD KE-18

Syarahan oleh

**Shaikh Abdul Aziz bin  
Shaikh Mohamed Al-Khaiyath**

## **Mengenai**

### **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton**


### ***CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures***

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latarbelakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

### **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton**

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengjian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## BIODATA



### **Shaikh Abdul Aziz bin Shaikh Mohamed Al-Khaiyath**

Shaikh Abdul Aziz bin Shaikh Mohamed Al-Khaiyath ialah penduduk Kampung Batu Uban dan merupakan generasi ke-6 Nakhoda Nan Intan, peneroka kawasan tersebut. Beliau, bersama ibunya, Siti Kalsom binti Wanteh, sering diminta berperanan sebagai sumber lisan mengenai tokoh Nakhoda Nan Intan, pembukaan Batu Uban serta pembinaan Masjid Jamek itu. Syaikh aziz pernah menjadi Pengurus Khariah Batu Uban dan berkhidmat di Universiti Sains Malaysia selama 36 tahun dari 1971 hingga 2007.

## Aturcara Majlis

### 24 MEI 2017

Bilik Mesyuarat

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran

3.30petang : Kata-kata aluan Pengarah CenPRIS  
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

3.35petang : Pengenalan kepada penceramah  
Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican  
*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

3.50petang : Syarahan *Shaikh Abdul Aziz bin Shaikh Mohamed Al-Khaiyath*  
(*Penduduk Batu Uban dan Keturunan Nakhoda Nan Intan*)

4.30petang : Sesi Interaksi

5.00petang : Majlis Bersurai

# Nakhoda Nan Intan, Batu Uban dan Islam di Pulau Pinang Abad Ke-18

oleh

***Shaikh Abdul Aziz bin Shaikh Mohamed Al-Khaiyath***

*Penduduk Batu Uban dan Keturunan Nakhoda Nan Intan*

## Pengenalan

Islam sememangnya telah lama berkembang ke seluruh pelosok tanahair sejak sekian lama dan Pulau Pinang juga tidak terkecuali dalam hal ini. Perkembang Islam ke seluruh dunia sudah semestinya dimulakan dengan usaha dakwah oleh Rasulullah S.A.W. Hasrat Baginda agar manusia selamat di dunia dan akhirat juga terdorong atas rasa rasa tanggungjawab dan cinta terhadap umatnya. Sebaik kewafatan Baginda, usaha dakwah diteruskan lagi dan tersebar di jazirah Arab khususnya. Sahabat-sahabat Baginda sememangnya terkenal sentiasa ingin memenuhi hasrat Rasulullah sejak zaman kenabian baginda.

Sekalipun Baginda mampu hidup dalam serba mewah namun kekayaan dan kemewahan yang mampu dimiliki baginda dikongsi bersama-sama sahabat malahan umatnya yang mana kita sendiri pada hari ini merasai kenikmatan tersebut. Ketua negara dan pemimpin menerima Islam dan diamanahkan untuk berlaku adil terhadap rakyat jelata. Sifat ini tergambar pada kepimpinan Khulafa Ar Rasyidin.

Setelah kewafatan Rasulullah, giliran sahabat pula mengambil alih tanggungjawab dalam menyebarluas Islam. Ia bersesuaian dengan firman Allah dalam Surah Yusuf ayat 108 yang bermaksud : “*Katakanlah (wahai Muhammad) inilah jalanku menyeru manusia kepada Allah dengan penjelasan, kerja ini kerja aku dan pengikutku.*”

Dengan berpandukan ayat Al Quran dan rasa cintakan Allah dan Rasul, maka para sahabat, tabiin dan taba tabi'in, serta dengan ilmu pelayaran yang Allah kurniakan, maka mereka belayar dan meneruskan perjalanan mengembangkan syiar Islam hingga ke rantau Asia khususnya Asia Tenggara hingga ada di antara mereka menjadikan Pulau Pinang sebagai antara perhentian bagi memastikan ilmu dan syiar Islam dapat dikembangkan.

### **Perhubungan Islam di Pulau Pinang**

Perkembangan Islam di Pulau Pinang terlebih dahulu harus dilihat daripada konteks Islam di negeri Kedah. Kewujudan Islam di negeri Kedah telah membuka perhubungan lebih luas hingga menyaksikan pendakwah Arab datang ke Pulau Pinang. Selain daripada Kedah syiar Islam telah wujud menerusi perhubungan dengan dunia Aceh dan Minangkabau serta beberapa tempat atau daerah di dalam kepulauan Nusantara (Indonesia). Maka di sinilah juga bermulanya cerita dan bagaimana seorang bangsawan dan pedagang yang bernama Raja Nan Intan Ibn Almarhum Tengku Pateh Sebatang berperanan dalam menegakkan syiar Islam di Pulau Pinang sekaligus menjadi antara watak penting terhadap sejarah awal Melayu Pulau Pinang di Batu Uban.

## Nakhoda Nan Intan @ Haji Muhammad Salleh

Tokoh yang seringkali dikaitkan dengan kewujudan penempatan awal orang Melayu di Pulau Pinang dan perkembangan Islam, tidak lain tidak bukan Haji Muhammad Salleh atau dikenali sebagai Nakhoda Nan Intan. Nama asal beliau ialah Raja Nan Intan Ibn Almarhum Tengku Pateh Sebatang, seorang bangsawan dan pedagang yang dipercayai berasal dari Kampung Buadi, Paya Kumbuh, Sumatera.



*Haji Hussain Ibrahim, keturunan Nakhoda Nan Intan,  
Pulau Langkawi (berbaju putih)*

Kedatangan sebenar Nakhoda nan Intan ke Batu Uban tidak dapat dipastikan namun ia dipercayai berlaku sekitar tahun 1710 dan tidak lebih 1734 memandangkan pada tahun 1734 telah tercatat bahawa Masjid Jamek Batu Uban mula dibuka. Turut dipercayai bahawa Nakhoda Nan Intan berhijrah ke Batu Uban berikutan persengketaan dengan masyarakat di Pagaruyung khususnya dengan mereka yang berpegang kuat kepada adat dengan mereka yang berpegang kepada ajaran Islam. Menurut catatan di dalam sebuah makalah bersempena Pengisahan Melayu di Pulau Pinang, tiga beradik yang mempunyai kaitan dengan keluarga diraja Minangkabau di Sumatra Barat, merantau ke Pulau Pinang.

Mereka mendapat izin daripada Sultan Ahmad Tajuddin, yang juga berketurunan Minang, untuk menetap di Pulau Pinang bersama dengan pengikut-pengikut mereka. Tiga beradik tersebut adalah Nakhoda Bayan, Nakhoda Intan, yang juga dikenali dengan nama Haji Muhammad Salleh, dan Nakhoda Kechil, yang juga dikenali Nakhoda Ismail.




*Gambar menunjukkan Haji Hussain Ibrahim, Padang Mat Sirat*

Ketokohan Haji Muhammad Salleh sebagai seorang ketua dan arif dalam bidang agama menjadi daya penarik kepada penghijrahan masuk lebih ramai kaum keluarga dari Pagaruyung dan berlabuhnya kapal-kapal yang memuatkan orang-orang Arab sama ada yang datang sebagai pedagang mahupun untuk menyebarkan ilmu keagamaan. Bermula dari situ maka terhasil pula persemandaan malah dipercayai bahawa kewujudan masyarakat Peranakan Arab ekoran perkahwinan antara orang Melayu Sumatera dengan orang Arab adalah bermula di Batu Uban. Salah seorang menantu Haji Mohammad Salleh merupakan seorang Arab yang dikenali sebagai Syeikh Ahmad al-Makawi dan beliau pula meneruskan usaha bapa mertua beliau dalam mengembangkan Islam di Pulau Pinang.

Carta Keturunan Haji Muhamad Salleh Minangkabau

(Nakhoda Nan Intan)




Menurut cerita Siti Kalsom yang tercatat dalam artikel yang ditulis Shohana Husin bertajuk “Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam”, nenek moyangnya pernah bercerita tentang kemeriahinan Batu Uban sebagai pusat tumpuan keagamaan. Penduduk sentiasa bergotong royong dalam melaksanakan majlis keagamaan termasuk mengadakan kenduri selepas sesuatu majlis. Suasana sebegini juga terhasil daripada pengaruh yang di bawa oleh Haji Mohammad Salleh yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembangunan dan pendidikan agama bagi masyarakat Melayu di Batu Uban sejak awal pembukaannya.

Mengikut catatan Mahani Musa (2008) Haji Muhammad Salleh berkahwin dengan seorang wanita dari Seberang Perai bernama Cik Aisyah atau dikenali sebagai dengan nama Cik Tunggal. Beliau juga dikatakan mempunyai seorang isteri bernama Suri Padi dari Minangkabau dan pernah berkahwin dengan seorang wanita Deli bernama Cik Aminah.

Sebagai membuktikan pengiktirafan pengaruh Haji Muhammad Salleh di Pulau Pinang dan khususnya di Batu Uban, nama beliau tercatat dalam surat penghargaan ketua-ketua Melayu Pulau Pinang yang diserahkan kepada Gabenor Leith pada 1804. Dalam surat tersebut juga tercatat nama Haji Mohammad Salleh sebagai “Malay Captain” justeru ia menunjukkan bahawa beliau ibarat seorang ketua kepada masyarakat Melayu di Pulau Pinang pada ketika itu.

### **Masjid Jamek Batu Uban**

Menurut kajian dan penerbitan yang diusahakan oleh Zulkifli Khair dan Badrol Hisham Ibrahim pada 1994, tercatat bahawa Masjid Jamek Batu Uban telah dianggap sebagai masjid atau tempat ibadat terawal bagi masyarakat Melayu di Pulau Pinang sebelum kedatangan Francis Light lagi. Sebelum ianya menjadi sebuah “masjid”, Masjid Batu Uban hanyalah sebuah surau dengan pada mulanya ia diperbuat daripada kayu meranti dan cengal sementara dinding masjid pula dibina menggunakan bahan-bahan tempatan termasuk campuran simen yang mengandungi kuning telur dan gula merah serta gambir (Ahmad Murad Merican, 2015).




*Lakaran bentuk asal Masjid Batu Uban  
oleh Shaikh Abdul Aziz bin Shaikh Mohamed*



*Masjid Batu Uban*

Binaan ini menyerupai binaan bentuk tradisional di kawasan Nusantara sekitar abad ke 14 hingga ke 18. Pada mulanya, masjid ini sememangnya berhampiran dengan kawasan pantai dan selain berfungsi sebagai tempat untuk mendirikan solat dan kegiatan keagamaan Islam yang lain, ia juga menjadi tempat rehat terutama kepada para pedagang, pengembara dan mubaligh Islam.

Menariknya juga, perigi yang terdapat di masjid ini ibarat sumber air tawar utama kepada masyarakat tempatan dan para pedagang serta pengembara. Jika mengambil kira pengaruh yang dibawa oleh Haji Muhammad Salleh dan peranan Masjid Jamek Batu Uban, tidak mustahil perkembangan Islam di Pulau Pinang turut dimainkan oleh Masjid Jamek Batu Uban sendiri sebelum ianya dikembangkan pula ke kawasan lain di dalam Pulau Pinang termasuklah di Jelutong serta beberapa kawasan lain.



*Gambar Penduduk Batu Uban  
bersebelahan masjid pada tahun 1959.  
Duduk bersongkok lilitan kain putih ialah  
Haji Hussain Fadhil Al-Makawi,  
Penghulu Kampung Batu Uban*

Masjid Jamek Batu Uban telah mengalami beberapa pembangunan baik dari segi pembesaran kawasan masjid bagi membolehkan lebih ramai jemaah mampu dimuatkan namun tapak yang ada kini adalah tapak asal masjid yang dibangunkan oleh Haji Muhammad Salleh. Masjid ini juga turut dikelilingi oleh beberapa makam dan perkuburan yang dipercayai makam Haji Muhammad Salleh sendiri serta beberapa penduduk asal Batu Uban dan keturunan mereka.

#### Kawasan Penempatan Awal Orang Melayu Di Pulau Pinang

##### Nakhoda Intan dan Pembukaan Batu Uban

Batu Uban merupakan pelabuhan yang paling awal dibuka di Pulau Pinang. Kawasan ini telah dibuka oleh Haji Mohamad Salleh atau nama sebenarnya Raja Nan Intan Ibni Almarhum Tengku Pateh Sebatang atau lebih dikenali sebagai Nakhoda Intan dikalangan pengikutnya. Haji Mohamad Salleh berasal dari Sumatera dan mempunyai hubungan darah diraja Minangkabau. Setelah sekian lama berada di Pulau Pinang, Haji Mohamad Salleh bersama-sama adiknya, Nakhoda Kechil (yang ditemui Francis Light selepas empat hari mendarat di Pulau Pinang) pergi mengadap Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Shah II (1710-1778) untuk memohon membuka kawasan perkampungan di pulau itu. Setelah mendapat keizinan, di sebelah pantai Batu Uban mula diterokai.

Tarikh sebenar kedatangan Haji Mohamad Salleh ke Pulau Pinang tidak dapat dipastikan namun dipercayai pembukaan Batu Uban berlaku Antara tempoh 1710-1734. Setibanya di Batu Uban, beliau telah membina sebuah surau dan tidak lama kemudian (pada tahun 1734) diperbesarkan menjadi masjid iaitu Masjid Jamek Batu Uban yang masih kelihatan pada hari ini. Sejak itu semakin ramai orang Indonesia dari Minangkabau berpindah masuk ke Batu Uban sehingga 1734 kawasan yang dibangunkan oleh Haji Mohamad Salleh semakin berkembang. Haji Mohamad Salleh sendiri mentadbir kawasan pantai Batu Uban. Sementara bahagian yang menghala ke Tanjung diuruskan oleh adiknya, Nakhoda Kechil.


Kedudukan Haji Mohamad Salleh sebagai pemimpin dan orang alim di Pulau Pinang pada 1730-an merupakan satu tarikan kepada masyarakat luar dan juga para alim ulama dari tanah arab. Perkahwinan campur berlaku dengan wanita tempatan dan kesanya terbentuklah golongan Arab Peranakan di negeri itu.

### Salasilah Keturunan Haji Muhammad Salleh

Kubur Haji Mohammad Saleh juga pernah menjadi tempat pemujaan kerana di katakan keramat. Pada makam Haji Mohammad Saleh hanya terdapat dua kubur sahaja, iaitu kubur beliau dan kubur cucunya Sheikh Muhammad Salleh bin Sheikh Ahmad Al Makawi (Anak kepada Ulama dari Mekah). Isteri Haji Mohammad Saleh (Nakhoda Nan Intan) yang pertama, bernama Suri Padi (tinggal dan meninggal di Minangkabau), manakala anak beliau tiga orang iaitu bernama Maharaja Nan Itam, kedua bernama Maharaja Nan Intan tinggal di Kampung Pertapang, Paya Kumboh. Anak ketiga pula tinggal di Kampung Paya Jinjang bernama Haji Muhammad Nuh (digelar Maharaja Nan Keruek). Beliau telah mati syahid dalam peperangan dengan Kerinch. Panglima Manjak (Malim Panjang) yang makamnya di Johor ialah saudara sepupu sebelah ibunya, Suri Padi. Nakhoda Nan Intan telah berkahwin lagi semasa menetap di Batu Uban, Pulau Pinang. Semasa berada di Pulau Pinang beliau berkahwin lagi dengan 2 orang isteri,



Kubur Nakhoda Nan Intan




Kubur Cucu Nakhoda Nan Intan, Sheikh Muhammad Salleh bin Sheikh Ahmad



Keratan akbar (Berita Harian) yang menunjukkan salasilah Haji Mohd Salleh

iaitu Che Aishah (Che Tunggal) dari Seberang Perai dan Che Aminah seorang wanita dari Deli. Perkahwinan beliau dengan Che Aishah dikurniakan 2 orang anak iaitu Muhammad Ali (kuburnya dibelakang rumah Hj. Talib) dan Kalthom. Muhammad Ali berkahwin dengan 2 isteri dan keturunannya masih terdapat di Batu Uban. Manakala Kalthom pula telah berkawin dengan Nakhoda Nan Bayan dan mendapat anak dan keturunan mereka menetap di Bayan Lepas. Selepas kematian Nakhoda Nan Bayan. Kalthom bernikah pula dengan Ulama dan Saudagar dari Mekah iaitu Sheikh Ahmad Al Makawi. Mereka kemudiannya di kurniakan zuriat dan keturunan yang masih berada di Kampung Batu Uban sehingga ke hari ini.



Salasilah Haji Muhammad Salleh  
berkuturunan Minangkabau, Sumatera

*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican**

*Rekaletak oleh*

**Amirudin Othman**

*Suntingan oleh*

**Ahmad Faisal Mohamed Fiah**

*Penerbit*

**Pengarah**

**Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa**

**Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk**

Copyright-2017